



Headline: Pengasuh rugi RM5,699 selepas kongsi nombor TAC
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 28 June 2021

Language: Malay
Section: Lokal
Page: 5

Pengasuh rugi RM5,699 selepas kongsi nombor TAC

Seremban: Seorang pengasuh kerugian RM5,699 akibat terpedaya dengan wanita dikenali sebagai 'Puan Ikzan' selepas berkongsi nombor kod pengesahan transaksi (TAC) perbankan miliknya, Jumaat lepas.

Ketua Polis Daerah Jempol Superintendan Hoo Chang Hoo berkata, wanita yang berusia 40 tahun itu berada di rumahnya di Lui Selatan, Jempol didakwa menerima mesej WhatsApp daripada satu talian yang tidak dikenali kira-kira 11 pagi.

Menurutnya, suspek menyatakan dia tersalah hantar nombor TAC perbankan Internet ke talian pengadu dan meminta mangsa menghantar semula kepadanya jika ada.

"Pada awalnya mangsa berasa curiga dan tidak memberikan nombor TAC berkenaan. Bagaimanapun, selepas beberapa minit kemudian, suspek menghubungi mangsa melalui



Tanpa berfikir panjang dia terus memberitahu nombor TAC itu kepada suspek"

Hoo Chang Hoo

panggilan WhatsApp dan meminta mangsa memberitahu nombor TAC yang diterimanya.

"Tanpa berfikir panjang dia terus memberitahu nombor TAC itu kepada suspek. Mangsa kemudian menyemak baki akaun dalam bank BSN dan mendapati wang di dalamnya berkurangan sebanyak RM5,699," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata mangsa yang menyedari dirinya ditipu telah membuat laporan polis di Balai Polis Bahau dua hari lepas.